

# Memori KORPORAT

## UITM DALAM SEJARAH

### PERASMIAN LAMAN KENANGAN BUDI

Laman Kenangan Budi yang telah diilhamkan pada tahun 1988 oleh Jawatankuasa Korporat ITM telah dirasmikan oleh DYMM Sultan Selangor bersempena lawatan rasmi Baginda ke Institut Teknologi MARA pada 15 Ogos 1995.

Majlis ini turut disaksikan oleh Cik Puan Besar Selangor, Menteri Besar Selangor, Ahli Kerabat Diraja Selangor, Orang-Orang Besar Daerah Selangor, Pegawai-Pegawai Kanan Kerajaan Negeri Selangor termasuk juga Pengerusi Majlis ITM, Pengarah ITM dan Warga ITM. Walaupun majlis perasmian ini berjalan dalam jangka masa yang singkat tetapi ianya membawa pengertian yang penuh bermakna kepada ITM khususnya.


Pada Laman ini terdapat permukaan jam pada sebuah kiub berbentuk kaabah mengandungi satu yang sistem komputer untuk mengawal pergerakan jam yang dihubungi dengan Pusat CADEM dan terus ke SIRIM untuk mendapatkan waktu jam yang standard. Terletak di atas kiub adalah sebuah sfera berbentuk bumi yang dililiti sekelilingnya dengan ayat "IQRA'.

Reka bentuk mural pada dinding laman merupakan satu aspek penyeimbangan visual keseluruhan laman. Pada dinding ini akan disediakan susunan seramik pelbagai warna yang telah siap ditandatangani oleh para dermawan.

Pengerusi Jawatankuasa Laman Kenangan Budi amat menghargai sumbangan para ahlinya dan khusus kepada pereka-ciptanya iaitu Puan Kamariyah Kamsah, Encik V. Azad Chacko dan Encik Ariffin Mohd. Ismail.



DYMM Sultan sedang mengamati lakaran yang tertulis pada permukaan jam



DYMM Sultan Selangor diberi penghormatan merasmikan Laman Kenangan



Bergambar kenangan: (dari kiri) Y.A.B. Menteri Besar Selangor dan Puan Sri, Pengerusi Majlis ITM, Baginda Sultan Selangor, YTM Cik Puan Besar Selangor, Puan Sri Noor Hayati, Datin Rusila, Dato' Pengarah ITM

#### Sumber :

Berita ITM tahun Ogos 1994, hal. 19  
Berita ITM tahun Ogos 1995, hal. 16